



12 Januari 2018
12 January 2018
P.U. (A) 5

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2018

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) 2018**.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Nota Jangka Sederhana Islam, yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. menurut Program Nota Jangka Sederhana Islam dengan nilai nominal sehingga empat bilion lima ratus tiga puluh juta ringgit (RM4,530,000,000.00):

Dengan syarat bahawa agregat bergabung nilai nominal belum berbayar Nota Jangka Sederhana Islam dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Pembiayaan Kredit Pusingan Islam, yang disebut “Pembiayaan RC-i” dalam Perintah ini, hendaklah tidak melebihi empat bilion lima ratus tiga puluh juta ringgit (RM4,530,000,000.00);

(b) Pembiayaan RC-i yang diperoleh atau akan diperoleh oleh Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi satu bilion enam ratus juta ringgit (RM1,600,000,000.00) tertakluk kepada agregat bergabung yang disebut dalam subperenggan (a); dan

(c) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Nota Jangka Sederhana Islam dan Pembiayaan RC-i.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

(a) Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. yang baginya Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.) 2017 [P.U. (A) 59/2017];

(b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam;

(c) mana-mana pembiaya Pembiayaan RC-i; atau

(d) mana-mana pihak kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [Akta 378] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 10 Januari 2018
[KK/SID/(S)/393/902; PN(PU2)232/XIV]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Menteri Kewangan Kedua

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) Order 2018**.

Application

2. This Order shall apply to—

(a) the Islamic Medium Term Notes issued or to be issued by Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. pursuant to the Islamic Medium Term Notes Programme in nominal value of up to four billion five hundred and thirty million ringgit (RM4,530,000,000.00):

Provided that the combined aggregate of the outstanding nominal value of the Islamic Medium Term Notes and the outstanding principal amount under the Islamic Revolving Credit Facility, which is referred to as the “RC-i Facility” in this Order, shall not exceed four billion five hundred and thirty million ringgit (RM4,530,000,000.00);

(b) the RC-i Facility obtained or to be obtained by Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. in the aggregate principal amount not exceeding one billion six hundred million ringgit (RM1,600,000,000.00) subject to the combined aggregate referred to in subparagraph *(a)*; and

(c) the guarantee provided or to be provided by the Government of Malaysia in relation to the Islamic Medium Term Notes and the RC-i Facility.

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [Act 53] by any of the following individual or entity in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the product, facility, programme and guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full:

- (a) Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. to which the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 applies by virtue of the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.) Order 2017 [P.U. (A) 59/2017];
- (b) any holder of the Islamic Medium Term Notes;
- (c) any financier of the RC-i Facility; or
- (d) any party to any agreement, note, instrument and document in relation to the product, facility, programme and guarantee referred to in paragraph 2, including any party to whom such agreement, note, instrument and document are transferred or assigned.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of any agreement, note, instrument and document in relation to the product, facility, programme and guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full.

Made 10 January 2018
[KK/SID/(S)/393/902; PN(PU2)232/XIV]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI
Second Minister of Finance